

Mahathir seru dunia hentikan penanaman popi

(P) 6 MAR 1985
KUALA LUMPUR 5 Mac
- Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu penanaman pokok popi secara besar-besaran di dunia dihentikan segera untuk membasmi kegiatan penyalahgunaan dadah.

Perdana Menteri berpendapat kegiatan penyalahgunaan dadah mempunyai hubungan dengan berbagai faktor dan di antaranya ialah penanaman pokok popi yang tidak terkawal di banyak negara.

Perkara ini telah disampaikan kepada Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Dr. Paul Wolfowitz yang mengunjungi beliau di pejabatnya di sini pagi ini.

Serentak itu, Dr. Wolfowitz menyampaikan hasrat Amerika Syarikat untuk mengadakan satu persidangan mengenai dadah yang akan dihadiri oleh 80 orang pegawai narkotiknya di sini pada awal April.

Menurut Dr. Wolfowitz, pemilihan Malaysia sebagai tempat persidangan itu adalah kerana Amerika Syarikat

tertarik dengan usaha Malaysia dalam membanteras penyalahgunaan dadah. Perdana Menteri telah mengalu-alukan hasrat Amerika Syarikat itu.

Butir-butir pertemuan antara kedua pemimpin itu telah disampaikan kepada para pemberita oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong.

Seminar

Tan Sri Zainal memberitahu, Dr. Wolfowitz juga telah menyampaikan undangan isteri Presiden Amerika Syarikat, Puan Nancy Reagan kepada Datuk Paduka Datin Sri Dr. Siti Hasmah Ali bagi menyertai satu seminar antarabangsa mengenai dadah untuk para isteri pemimpin dunia di Washington pada April depan.

Terdahulu itu, Dr. Wolfowitz telah mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan perbincangan mereka juga tertumpu kepada soal dadah.

Menurut Tan Sri Zainal, Datuk Musa di samping mengalu-alukan hasrat Amerika Syarikat untuk mengadakan persidangan tersebut di negara ini menyatakan bahawa Malaysia akan mengatur satu program selepas persidangan itu berhubung dengan usaha negara ini memerangi pen-

Selepas pertemuan dengan Dr. Wolfowitz, Timbalan Perdana Menteri telah dikunjungi oleh Menteri Luar Australia, Encik Bill Hayden yang juga telah berbincang mengenai dadah.

Datuk Musa Hitam dalam pertemuan itu menurut Tan Sri Zainal, telah mencadangkan tiga cara pada peringkat antarabangsa untuk membasmi ancaman dadah.

Cara-cara yang dicadangkan itu ialah persefahaman antarabangsa tentang soal dadah, pengumpulan maklumat antarabangsa mengenai dadah dan tukaran maklumat strategik mengenai dadah.

Dr. Wolfowitz tiba di sini semalam dari China untuk lawatan rasmi tiga hari sementara Encik Hayden yang juga dalam lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia akan berlepas ke Bangkok petang ini.

Pertemuan Datuk Musa dengan Dr. Wolfowitz juga membincangkan kesan pelaksanaan program pemodenan Negeri China, perkembangan terbaru Kampuchea, kerjasama menentang kegiatan lanun.

Pertemuan Datuk Sri Dr.

Mahathir dengan Dr. Wolfowitz pula juga menyentuh soal memorandum persefahaman mengenai penerbangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat serta mengenai masalah yang dihadapi oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).